



Ruj.Kami: SMKCJP 600-2/1 (2)
Tarikh: 18 Januari 2021

**Kepada,
Ibu bapa / Penjaga,
Puteri Tingkatan 1 hingga 5 Tahun 2021
SMK Convent Jalan Peel**

Tuan/ Puan,

MAKLUMAN SESI PEMBELAJARAN MELALUI KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PdPR) BAGI MURID-MURID TINGKATAN 1 HINGGA 5 TAHUN 2021

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dengan penuh takzimnya, pihak sekolah ingin memaklumkan kenyataan media Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai **Pengoperasian Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Seluruh Malaysia** pada 16 Januari 2021 memaklumkan bahawa murid Tingkatan 1 hingga 5 tahun 2021 akan mengikuti pembelajaran melalui **kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) mulai 20 Januari 2021 (Rabu)**.

3. Sesi pembelajaran melalui kaedah PdPR akan beroperasi mengikut Jadual Pelaksanaan PdPR yang dikeluarkan. Sekiranya terdapat perubahan pada jadual waktu untuk sesuatu mata pelajaran atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, guru akan memaklumkan dalam *WhatsApp Group* kelas dengan segera dan kelas akan diubah pada satu masa yang lain. Kehadiran murid akan diambil oleh guru sepanjang PdPR dijalankan. Berikut merupakan masa pelaksanaan PdPR:

MINGGU 1			
Jadual Pelaksanaan PdPR VERSI 1.0	Tarikh Pelaksanaan	MASA	Catatan
	20.01.2021 hingga 22.01.2021	7.30 pagi hingga 2.00 petang	Untuk Tingkatan 1 hingga 5
MINGGU 2 dan SETERUSNYA			
Jadual Pelaksanaan PdPR VERSI 2.0	Mulai	<u>Isnin – Khamis</u> 7.30 pagi hingga 2.00 petang <u>Jumaat</u> 7.30 pagi hingga 1.30 petang	Untuk Tingkatan 1, 2 dan 3
		<u>Isnin – Jumaat</u> 7.30 pagi hingga 3.00 petang	Untuk Tingkatan 4 & 5
* NOTA: Mata Pelajaran BC/ BT Tingkatan 4 [ISNIN 3.00 – 5.00 petang] Mata Pelajaran BC/ BT Tingkatan 5 [SELASA 3.00 – 5.00 petang]			

Bersama-sama ini disertakan Jadual Pelaksanaan PdPR Tingkatan 1-5 Tahun 2021.